

HUBUNGI SKUAD KUALA LANGAT / SEPANG: NURUL FIRDAUS KHAIRI - 019-6680920 / 019 6680275

**18 keluarga di
Kampung Salak
Tinggi dan Giching
terjejas akibat
hujan lebat**

NURUL FIRDAUS KHAIRI

KUALALANGAT

Bberapa kawasan rumah penduduk di Sepang dinaiki air dipercayai berpunca daripada hujan lebat berpanjangan sejak petang kelmarin.

Penghulu Mukim Labu, Rohaisyam Mohd Jomby berkata, sebanyak 66 mangsa yang terdiri daripada 18 keluarga dipindahkan ke pusat pemindahan selepas kediaman masing-masing di Kampung Salak Tinggi dan Kampung Giching di sini dilanda banjir kilat.

Menurutnya, keadaan itu bertambah teruk apabila kenaikan pa-



18 buah keluarga dipindahkan ke pusat pemindahan banjir.


ras air Sungai Labu terlalu tinggi sehingga melimpah masuk ke kawasan kampung.

"Kira-kira lima ban di Sungai Labu pecah sehingga menyebabkan kuantiti air bertambah ke sungai

menghalau ke kawasan kampung."

"Selain itu, rumah-rumah yang terlibat kali ini adalah kawasan tanah rendah di bawah paras Sungai Lumpur (KLIA), Khairuddin Jamaludin berkata, hujan lebat semalam telah menyebabkan kedua-

Sementara itu, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Khairuddin Jamaludin berkata, hujan lebat semalam telah menyebabkan kedua-



dua kampung berkenaan dilanda banjir kilat.

"Sebanyak 46 mangsa dipindahkan ke Balai Raya Kampung Salak Tinggi dan 20 lagi mangsa di tempatkan di Balai Raya Kampung Giching.

"Kedua-dua pusat pemindahan itu dibuka pada pukul 12 tengah malam," katanya.

Bagaimanapun, mangsa mula pulang kerumah secara berperingkat sejak pagi semalam selepas keadaan banjir di tempat masing-masing mula surut.



Pengunjung Bazar Ramadan Taman Banting Baru tidak melepaskan peluang mendapatkan bubur lambuk percuma yang diberikan oleh Ahli Parlimen Kuala Langat, Dr Xavier Jayakumar.



KLIK

BUBUR LAMBUK PERCUMA Pengunjung Bazar Ramadan Taman Banting Baru bersama Ahli Parlimen Kuala Langat, Dr Xavier Jayakumar sempena Program Agihan Bubur Lambuk dan Pemberian Sumbangan bersama pemimpin setempat, Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Taman Banting Baru, Pejabat Perpaduan Daerah Kuala Langat, ahli jawatankuasa penduduk MPP Zon 21 dan Persatuan Penduduk Taman Banting Baru.

Xavier janji bangunkan Kuala Langat

KUALA LANGAT - Pejabat Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) Ahli Parlimen Kuala Langat bakal beroperasi bulan hadapan.

Ahli Parlimen Kuala Langat, Dr Xavier Jayakumar berkata, premis itu bakal menjadi sebuah pusat rujukan selain memberi khidmat nasihat kepada masyarakat.

Menurutnya, Kuala Langat akan bertambah makmur dalam lima tahun akan datang.

"Hari ini saya meraikan penyokong-penyokong terutama kaum Tiong Hua yang memberi sumbangan secara sukarela sepanjang PRU14.

"Mereka adalah sebahagian sejarah PRU14, jasa mereka tidak akan saya lupakan," katanya kepada Sinar Harian.

Xavier turut memaklumkan, beliau

berasa bertuah apabila mendapat undi dan menang di kawasan berkenaan.

Katanya, beliau sudah menjangkakan kemenangan namun tidak sangka jumlah undi yang diterimanya luar biasa dan dapat mempertahankan kerusi penyandang sebelumnya, Abdullah Sani Abdul Hamid.

"Dalam pada itu, saya nak mengingatkan kepada masyarakat bahawa perubahan diperingkat pusat perlu disempurnakan dalam masa enam bulan kerana memerlukan masa untuk membaiki sistem dan amalan kerajaan sebelum ini.

"Saya harap, semua pihak perlu bersabar menunggu hasil-reformasi yang akan memberi manfaat kepada rakyat dan generasi akan datang," katanya.



Xavier ketika meraikan sebahagian penyokongnya di atas kemenangan dalam PRU14.